

# HARI BERTEMU PELANGGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3168-7-mac-18-lawatan-kerja-menteri-besar-pahang-dan-majlis-ramah-mesra-bersama-warga-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3168-7-mac-18-lawatan-kerja-menteri-besar-pahang-dan-majlis-ramah-mesra-bersama-warga-pu-kuantan)

BUTTERWORTH, 13 Mac 18 – Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertahanan Malaysia 2018 bagi Zon Utara telah diadakan di Dewan Setia Pangkalan Udara Butterworth. Program ini telah memberi pendedahan secara terus kepada pelanggan mengenai peranan MINDEF dan perkhidmatan yang ditawarkan serta menyelesaikan masalah pelanggan secara bersemuka. Antara aktiviti yang dijalankan adalah taklimat ringkas dari UGAT, JRP, LTAT, PERNAMA dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM).

Selain itu, Kaunter perkhidmatan (booth) turut dibuka bagi agensi jemputan di bawah MINDEF, ATM dan 6 agensi jemputan iaitu Koperasi AT, LTAT, Perwira Harta Malaysia (PPHM), Affin Bank, Celcom dan COWAY. Pemangku Komander Pangkalan Udara Butterworth, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM turut hadir ke program yang dianjurkan ini.



